

PM ingatkan pengusaha Bumiputera

Jangan gopoh jadi kaya

BM 13 APR 1985

Oleh HAFIFI HAFIDZ
dan DELAILA HUSSAIN

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pengusaha-pengusaha Bumiputera hari ini ditegur kerana masih mengharapkan sesuatu yang lebih mudah daripada peluang keemasan yang ditawarkan dan terlalu gopoh untuk cepat kaya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sikap itu menyebabkan peluang yang ada direbut oleh kaum lain dan Bumiputera kekal di tahap lama.

"Kadangkala saya berasa geram kerana idea yang saya kemukakan kepada pengusaha-pengusaha tidak diterima. Idea itu kemudian digunakan oleh orang lain dan dalam masa yang singkat, ia membuahkan hasil yang sangat lumayan," jelas beliau.

Perdana Menteri mendedahkan perkara itu ketika berucap merasmikan Simposium Bumiputera dan Ekonomi Negara Kedua yang berlangsung dua hari mulai hari ini.

Simposium bertemakan *Krisis Peniaga Bumiputera dalam Kemelesetan Ekonomi Negara — Langkah-Langkah Mengatasinya* anjuran oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Wilayah Persekutuan dan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.

Datuk Seri Dr Mahathir juga kurang berpuas hati dengan pengusaha-pengusaha yang lebih berminat mendapatkan lesen daripada kerajaan dan menjadi tuan besar di pejabat hawa dingin, daripada bergiat cergas menjalankan perniagaan itu sendiri.

Sambil berjenaka beliau berkata: "Usaha keras mendapatkan lesen itu menyebabkan pejabat menteri sering dikunjungi oleh golongan yang demikian.

"Sebenarnya peluang keemasan yang masih ada tidak direbut sepenuhnya dan mereka ingin mendapat yang lebih baik dan mudah lagi. Jika boleh kegiatan

itu dapat menjadikannya kaya dalam masa yang singkat."

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata ketika masih di Fima, beliau kerap kali mendesak supaya Bumiputera menjalankan perniagaan secara *franchise* tetapi saranan itu tidak diambil perhatian, tetapi kini ia terbukti berhasil setelah dikendalikan oleh kaum lain.

"Saya minta maaf kepada pengusaha jika apa yang saya katakan menyinggung perasaan mereka, tetapi ini adalah perkara yang jelas. Malah ramai orang berkata, Perdana Menteri kini tidak lagi popular kerana setiap ucapan cuba mengajar orang lain tetapi saya rasa ia adalah satu tanggungjawab yang mesti saya hadapi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun peluang-peluang itu masih terbuka, kejayaan tidak mungkin dicapai jika tiada sifat amanah, kesanggupan bekerja kuat, kecekapan mengurus dengan tertib dan tidak terburu-buru.